

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

**TARIKH : 2 APRIL 2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan saya difahamkan oleh Kerajaan negeri bahawa bantuan- kewangan bulanan untuk rakyat miskin di Sabah tidak disalurkan dengan secepatnya kepada Kerajaan negeri. Bolehkah Kementerian memberitahu sebab-sebabnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap golongan miskin dan bekeperluan, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memastikan bantuan bulanan dapat disalurkan mengikut ketetapan masa yang ditetapkan.

Pada tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diperuntukkan sejumlah RM1.35 billion bagi kegunaan bayaran bantuan bulanan kepada 375,938 orang penerima. Dari jumlah tersebut sejumlah RM130 Juta telah disalurkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah melalui waran bertarikh 15 Januari 2018 yang memberi manfaat kepada lebih 37 ribu orang penerima bantuan bulanan di bawah Skim Kerajaan Persekutuan.

Walaupun begitu pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengakui

63

bahawa terdapat sedikit kelewatan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan bagi bayaran bulan Februari 2018.

Keadaan ini adalah disebabkan kerja-kerja menaiktaraf sistem kewangan Kerajaan Persekutuan daripada eSPKB kepada sistem 1GFMAS dan pada peringkat ini sistem baharu 1GFMAS masih perlu disesuaikan dengan beberapa sistem dan pengkalan data di Peringkat Jabatan kerajaan termasuk sistem eBantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Peralihan dan penyesuaian sistem kewangan dan pembayaran ini digunakan untuk pembayaran bantuan bagi bulan Februari 2018. Manakala bayaran bagi bulan Januari 2018 telah dibuat pada awal Disember 2017 kepada penerima bantuan menggunakan peruntukan Amanah. Dengan peralihan dan penyesuaian system ini, ia telah memberi kesan pembayaran kepada penerima bantuan JKM khususnya bagi bayaran bantuan bulan Februari yang sepatutnya dibayar sebelum 1 Februari 2018.

Pihak JKM telah berusaha keras bagi memastikan bayaran bantuan bulanan kepada 37,798 penerima di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan tidak terputus, pihak JKM telah menggunakan kaedah penyediaan invois tanpa PT iaitu mengunci masuk data secara manual

61

terus ke sistem 1GFMAS. Dengan kaedah ini bayaran bagi bulan Februari 2018 telah berjaya diproses 100% dan telah dibuat pembayaran kepada klien penerima bantuan.